

Date : 26 January 2017, Thursday
 Media : Kosmo
 Section : Negara, PG.4
 Headline : Sasar pelaburan RM87.3b

Najib mahu NCIA tumpu projek beri manfaat kepada rakyat Sasar pelaburan RM87.3b

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dijangka mencapai pelaburan terkumpul sebanyak RM87.3 bilion pada akhir tahun ini sejak penubuhannya pada 2008.

Sasaran itu telah ditetapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempengerusikan Mesyuarat Majlis NCIA Ke-17 di sini semalam.

Perdana Menteri juga mahu sasaran mewujudkan 111,000 peluang pekerjaan dicapai selain meningkatkan pendapatan purata kepada RM2,100 sebulan bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).



Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq (**gambar kecil**)

berkata, sejak penubuhannya sehingga 2016, NCIA mempunyai pelaburan terkumpul sebanyak RM79.92 bilion dan mewujudkan 103,600 peluang pekerjaan di rantau ini.

Bagi tahun ini, beliau berkata, pihaknya akan menumpukan kepada tiga bidang utama iaitu nod pertumbuhan, projek berimpak tinggi ke atas kawasan setempat dan merentasi sempadan.

“Perdana Menteri gembira dengan projek utama kami dan menasihatkan kami agar menumpukan kepada pro-



NAJIB dan Ahmad Zahid bergambar dengan para penerima manfaat program berpaksikan rakyat oleh NCIA selepas Mesyuarat Majlis NCIA Ke-17 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.

jek-projek yang melibatkan rakyat dan memberikan manfaat kepada mereka.

“Beliau mahu melihat dan mendengar daripada penerima manfaat secara langsung terutamanya projek solar, Suriaku dan Model Pengurusan Estet Padi,” katanya kepada pemberita

selepas menghadiri mesyuarat itu semalam.

Redza berkata, NCIA berjaya meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) wilayah tersebut sebanyak 5.8 peratus dari 2010 hingga 2014 berbanding 3.5 peratus pada 2005 hingga 2009.